

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]

TARIKH : 24.11.2014

SOALAN :

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah semua graduan tajaan Kerajaan lulusan pendidikan yang masih belum dilantik sebagai pendidik; dan
- (b) apakah sebab utama graduan-graduan ini tidak dilantik dan bilakah dijangka masalah pelantikan ini akan dapat diselesaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Sehingga Julai 2014, jumlah graduan tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang belum dilantik adalah seramai **215** orang. Jumlah ini terdiri daripada 152 graduan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) keluaran Institut Pendidikan Guru (IPG) yang tidak dilantik kerana **gagal temu duga**. Manakala seramai 63 graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) keluaran Institusi Pengajian Tinggi

Awam (IPTA) tidak dilantik kerana dua sebab iaitu 16 orang **gagal temu duga** dan 47 orang berstatus **calon simpanan**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi graduan yang gagal temu duga, mereka boleh memohon semula jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 selepas enam (6) bulan dari tarikh keputusan temu duga melalui portal www.jobsmalaysia.gov.my. Walau bagaimanapun, setiap graduan perlu bersaing dengan graduan keluaran semasa dan hanya graduan yang terbaik sahaja akan dipilih oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) berdasarkan merit, keperluan opsyen dan prestasi temu duga. Manakala bagi graduan yang berstatus calon simpanan, mereka akan ditempatkan secara berperingkat-peringkat bergantung kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen.